

PERSEPSI ORANG CINA TERHADAP ISLAM HADHARI

(Chinese Perception Toward Islam Hadhari Approach)

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH*

Pusat Pengajian Umum dan Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional
Malaysia, Kem, Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Islam adalah agama yang sering disalahfahamkan. Ini disebabkan oleh proses sosialisasi politik perkauman yang menimbulkan persepsi negatif. Akibatnya, agama Islam dipersepsikan dengan sifat-sifat negatif seperti suka bergaduh, berpecah-belah, kotor, miskin, ganas, bengis, suka membunuh dan berbagai lagi. Apatah lagi kita tidak berjaya memperlihatkan imej yang positif Islam. Kita hanya boleh berbangga dengan kegemilangan masa lalu dan gagal mencipta kegemilangan masa kini. Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi orang Cina terhadap Islam Hadhari dan 10 prinsip yang digalurkan. Prinsip-prinsip Islam Hadhari diakui mengandungi nilai yang baik. Prinsip tersebut adalah nilai bersama yang turut terkandung dalam ajaran agama mereka. Malangnya, prinsip yang baik ini tidak banyak diterjemahkan dalam bentuk praktikal sebaliknya telah menimbulkan salah tanggapan dan kekeliruan. Apatah lagi apabila ianya dipolitikkan antara dua parti politik Melayu seperti UMNO dan PAS. Apabila keadaan yang tidak sihat ini berlaku, orang bukan Islam/Cina menjadi keliru, Islam mana satukah yang betul, Islam yang dibawa oleh UMNO atau PAS? Inilah yang menjadi polemik yang telah membentuk persepsi negatif orang Cina terhadap isu-isu berkaitan dengan Islam dalam Islam Hadhari.

Kata kunci: *Islam Hadhari, Agama Islam, Cina, Sosialisasi politik dan Persepsi Cina*

ABSTRACT

Islam is a misunderstood religion. The negative impression towards Islam accumulated through negative behaviour and political socialization process. Hence, Islam is labeled as a negative religion which is synonym with fighting each other, disunity, dirty, poor, aggressive, harsh, killing each other etc. Muslims can't

*Corresponding author: Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Pusat Pengajian Umum dan Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem, Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia, E-mel: ridhuante@ yahoo.com

Diserahkan: 5 Disember 2008

Diterima: 4 Februari 2009

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0101-04>

really put the blame on the Non-Muslims because of their prejudices. All these things happened because we failed to portray a good image after the collapse of the Islamic empire during the First World War. We only can be proud of the past and failed to create a present glory. Whatever glory we had in the past is nowhere to be seen nowadays. What is happening now makes it difficult for the Muslims to propagate Islam to the Non-Muslims. If we look at the 10 principles of Islam Hadhari, it possess great values and acceptable to the Non-Muslims. Those principles are also included in the teachings of Confucious and Buddhism. However, these good teachings are not given due attention but rather manipulated and politicized. PAS produces books against the concept while UMNO on the other hand try its very best to defend it. These leads to great confusion among the Non-Muslims.

LATAR BELAKANG

Apabila membicarakan soal masyarakat Cina, kita tidak dapat lari daripada menyentuh serba sedikit tamadun mereka yang telah bertapak lebih daripada 4000 tahun dahulu atau 2000 S.M (Fitzgerald 1973; Suffian Mansor 2003). Menurut Kennedy (1994), tamadun Cina telah diakui dunia adalah antara tamadun terbilang dalam sejarah peradaban manusia terutama ketika pemerintah Dinasti Ming. Antara semua tamadun sebelum zaman moden, tiada ada sebuah pun yang lebih maju, bahkan lebih gagah, daripada tamadun di China. Tamadun antara yang tertua di dunia ini mempunyai keistimewaan tersendiri seperti tahan lama, mempunyai kawasan yang luas dan penduduk yang ramai, pentingkan unifikasi, pentingkan keharmonian dan moral, berinteraksi, dinamik, mendukung ajaran falsafah dan mementingkan penggunaan teknik (Suffian Mansor 2003).

Ajaran Konfucius adalah antara yang paling berpengaruh dalam masyarakat Cina (Jeffrey Seow 1999). Begitu juga dengan ajaran Buddha dan Taoisme (Purcell 1975). Ketiga-tiga ajaran ini masih berpengaruh dalam budaya masyarakat Cina walaupun mereka tidak berpegang kepada hanya satu ajaran sahaja. Mereka boleh menerima ketiga-tiga ajaran menjadi pegangan mereka serentak.

Many Chinese will have difficulty in telling you whether a god or a hero is a Buddhist or a Taoist deity, while the Buddhists have admitted a number of gods, originally Taoist, into their pantheon (Purcell 1975).

Seperti yang dinyatakan dalam bulletin MCA, The Guardian (2005):

...we are interested in the study of Confucianism because this school of philosophy has been an important element in Chinese culture for more than two thousand years. It shape China

through a class of bureaucrats or Mandarins steeped in Confucianist learning. Reformers and leaders in the past tried to use Confucianism as a programme for social and political change in China and Southeast Asia. It continues to exercise influence today. Some economic transformation in East Asia in recent years could be linked to Confucianist values.

Kenyataan di atas juga diperakui oleh de Bary (Xinzhong Yao 2000):

If we were to characterize in one word of the Chinese way of life for the last two thousand years, the word could be 'Confucian'. No other individual in Chinese history has so deeply influenced the life and thought of his people, as a transmitter, teacher and creative interpreter of the ancient culture and literature and as a moulder of the Chinese mind and character.

Pengaruh peradaban dan ketamadunan ini telah bertapak dalam hati masyarakat Cina sejak turun-temurun. Justeru, bukan mudah untuk mengikisnya. Orang Cina memang bangga dengan tamadun mereka. Seboleh-bolehnya mereka cuba untuk mengekalkan tamadun ini walaupun keadaan hidup mereka semakin berubah. Dengan sebab itu penentangan demi penentangan dilakukan terhadap segala dasar terutama yang boleh memudahkan identiti budaya mereka seperti isu bahasa dan sekolah Cina (Haris Md Jadi 1990; Utusan Malaysia 2005). Sedang semua sedia maklum bahawa hanya di Malaysia sahaja sekolah Cina masih kekal dengan identitinya berbanding negara lain yang mana orang Cina menjadi minoriti. Di Singapura yang majoritinya kaum Cina pun tidak lagi mempraktikkan bentuk sekolah Cina seperti yang ada di Malaysia (Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng 2000).

ISLAM DAN CINA

Islam bukanlah satu agama baru kepada orang Cina sebab berdasarkan kepada sejarah, Islam telah sampai ke China beberapa dekad selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW (Kitagawa 2002). Di Negeri China, agama Islam dipanggil sebagai "Hui" atau "Qing Zhen". Agama Islam adalah antara agama yang amat dihormati di sana terutama selepas dasar buka pintu dan reformasi yang dilakukan oleh kerajaan China (Islamic Dakwah Center Brunei 1998).

Begitu juga dengan pengaruh Cheng Ho sehingga kini masih bertapak dalam hati masyarakat Cina. Cheng Ho adalah seorang suda istana, juga seorang ahli pelayaran yang mahir dan panglima yang cekap. Pelayarannya yang pertama adalah di Malaysia dan Indonesia dalam melebarkan lagi kekuasaan China ketika itu (Fitzgerald 1973). Beliau dikatakan telah tiba di Melaka dalam tahun 1408

(Purcell 1975). Beliau juga dikenali sebagai Sam-po-Kong. Sehingga ke hari ini Sam-po-Kong (Cheng Ho) masih disembah oleh kebanyakan masyarakat Cina sama ada di rumah mahupun di pusat penyembahan. Dalam bahasa Melayu, orang Cina mengistilahkanannya sebagai Datuk Keramat. Segala bentuk penyembahan mesti menggunakan makanan yang halal dan peralatan yang suci bagi tujuan tersebut (Mustapha Ma 2005). Di Pulau Pinang, Melaka, Terengganu, Sarawak, Singapura, Campa, Jawa Tengah dan Thailand, terdapat patung Sam-po-Kong yang diukir khas menjadi penyembahan masyarakat Cina.

Ini bererti bahawa pengaruh Islam kepada masyarakat Cina telah lama bertapak. Malah hubungan baik antara orang Cina dan Islam dari segi kehidupan beragama telah lama terjalin. Cheng Ho adalah seorang Muslim yang taat dan amat menghormati agama orang Cina iaitu Buddha dan Taoism. Beliau tidak melarang anak kapalnya menganut agama Buddha dan Tao walaupun beliau sendiri beragama Islam (Kong Yuanzhi 2000). Malangnya, tokoh Cheng Ho ini tidak diwar-warkan oleh orang Islam sendiri. Sebaliknya, pengkaji-pengkaji Cina bukan Islam lebih berminat membuat kajian tentang Cheng Ho tanpa mengaitkan sumbangan Islam yang telah dibuat. Akibatnya, Islam tidak bertapak di hati masyarakat Cina. Persepsi mereka terhadap Islam juga tidak melihatkan sesuatu yang positif.

Namun, walaupun China kaya dengan sejarah Islamnya, sehingga hari ini ia masih disalahfahamkan. Dengan sebab itu kita dapati amat sukar untuk orang Cina menerima hakikat sekira anaknya mengambil keputusan memeluk Islam berbanding memeluk agama lain. Bagi mereka, memeluk Islam bermakna telah diMelayukan.

Thus, the general rejection of Islam by Chinese Malaysians is not so much a rejection of the religion but disapproval of discarding Chinese identity (Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng 2000).

Islam disamakan dengan Melayu, Melayu pula disamakan dengan Islam. Inilah proses sosialisasi politik yang telah berlaku sekian lama dan agak kurang langkah diambil untuk memperbetulkan salah faham ini. Hasilnya, tidak sampai 1% yakni 0.4% (Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng 2000) orang Cina yang memeluk Islam di Malaysia. Yang jelas, prejudis pula semakin menebal.

PROSES SOSIALISASI POLITIK

Sosialisasi politik adalah suatu proses. Ia memungkinkan seseorang individu mengenali sistem politik, yang kemudian menentukan persepsinya terhadap politik serta reaksi-reaksi terhadap gejala-gejala politik. Sosialisasi politik adalah proses dengan mana individu-individu memperoleh pengetahuan, kepercayaan-

kepercayaan dan sikap politik. Bagi Ball (1993), sosialisasi politik bukanlah satu proses yang terbatas pada zaman kanak-kanak sahaja, iaitu zaman yang mudah dipengaruhi tetapi ia berterusan sehingga ke zaman dewasa. Bagi Almond dan Verba (1963), ia boleh berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung. Inilah proses yang dilalui oleh setiap manusia yang tidak dapat dielakkan sama sekali. Persoalannya, sejauh manakah pengaruh proses sosialisasi ini? Bagaimana sesuatu kepercayaan dan persepsi itu dibentuk atau terbentuk? Perkara inilah yang akan dikaji dalam penyelidikan ini. Secara umumnya, proses yang dilalui adalah seperti berikut:

Sosialisasi → Keperibadian → Kepercayaan Politik → Tingkah laku Individu → Corak Tingkah laku Berkelompok

Secara umum, masyarakat Cina digambarkan oleh Purcell (1975):

The Chinese have always been regarded as most tolerant in matters of religion. We know that they have no scruples about food like the Mohammedan; they have no caste system like the Hindus. We know that they have no special restrictions about entry to their temple, that they frequent them in free and easy undress, and although they adherents of Buddhism, Confucianism, or Taoism, we know that they tolerate the sects they do not belong to and often conform to two or even all three of the cults simultaneously.

Berdasarkan petikan ini, maka jelas sekali bahawa masyarakat Cina adalah mudah dibentuk jika betul cara dan gayanya. Petikan berikut mungkin ada kebenarannya (Lukman Taib 2000):

About Chinese political culture we do have difficulty making assumptions because they are under new circumstances that greatly differ from those of their homeland. But generally we can say that they are influenced by the Malay political culture beside of course, their own religion, norms and customs.

Tetapi kita perlu faham adakah pengaruh Melayu benar-benar telah memberikan persepsi yang positif terhadap agama Islam dan bangsa Melayu itu sendiri? (Suryadinata 1989: 154):

The Chinese still have more resistance to their members becoming Muslims than becoming followers of other religions. This is largely due the fact that in Malaysian society, Islam is very

much associated with the Malay identity. As Islam becomes less communalized and less politicized it may be expected that more Chinese Malaysians will become Muslim. Nevertheless, Chinese Religion will undoubtedly continue to be the major religious tradition of most Chinese Malaysians.

Inilah keadaan sebenar yang berlaku rata-ratanya di kalangan masyarakat Cina. Pengaruh Melayu tidak banyak mempositifkan imej agama yang dianuti oleh orang Melayu, tetapi menjadi mengelirukan lagi apabila agama Islam disamakan dengan bangsa Melayu. Apabila persepsi ini telah bertapak dalam sanubari masyarakat Cina akhirnya sesuatu perkara yang baik dalam agama yang ingin disampaikan kepada mereka tidak kesampaian.

Apatah lagi dengan wujudnya agen-agen lain yang turut mempengaruhi proses sosialisasi seperti yang dikatakan oleh Michael Rush seperti pengaruh rakan sekerja, pekerja dan majikan kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan sukarela, pertubuhan-pertubuhan sukan, sosial dan sebagainya (Rush 1992). Interaksi antara agen-agen ini banyak mempengaruhi pembentukan peribadi dan persepsi seseorang. Pendekatan Douglas (1967) dan Kamrava (1996) juga mempunyai kaitan rapat dengan pembentukan persepsi ini. Katanya dalam membuat kajian terhadap sosialisasi politik maka beberapa perkara berikut harus diberi pertimbangan iaitu pengalaman sosialisasi politik yang berlaku, sosialisasi yang berlaku sepanjang hayat seseorang, pengaruh sejarah dan persekitaran yang berubah, interaksi antara agen-agen tersebut dan personaliti seseorang. Kesemua proses ini boleh berlaku secara semulajadi (*nature*) dan proses pembelajaran (*nurture*). Mengambil kira pendekatan Piaget, akan berlaku proses kognitif melibatkan tiga perkara utama iaitu asimilasi (*assimilation*), penyesuaian diri (*accommodation*) dan keseimbangan (*equilibration*) (Kamrava 1996).

AGEN SOSIALISASI POLITIK

Terdapat dua agen yang begitu dominan dalam proses sosialisasi politik yang dibincangkan dengan panjang lebar oleh sarjana-sarjana politik dan sosiologi iaitu agen keluarga dan sekolah yang boleh berlaku dari sudut *nature* dan *nurture*. Boleh dikatakan kesemua sarjana yang membuat kajian sosialisasi politik bersetuju bahawa dua agen asas ini yang membentuk kepercayaan dan persepsi seseorang individu itu. Dowse dan Hughes (1972) dalam bukunya *Political Sociology* membahagikan agen-agen ini kepada dua iaitu utama dan sekunder. Faktor keluarga dan sekolah adalah utama, sementara yang lain-lain adalah sekunder (American Government Study Guide 2005):

Our parents are the most important opinion-molders. As Herbert Hyman rightly points out in Political Socialization: "Fore-

most among agencies of socialization into politics is the family. "By listening to our parents talk at the breakfast table, we begin to form our ideas of the world. In the family we acquire the basic attitudes that will shape our future opinions. We form opinions towards our neighbors, other types of people, as well as towards local rules and society in general. R.M. MacIver also admits that the family is "the primary agent in molding of the life habits most of human beings." Most of us conform to our family's choice of political party, whether Republican or Democrat.

Secara peribadi, penulis boleh bersetuju dengan pendapat ini, tetapi oleh kerana kajian sosialisasi adalah suatu yang relatif, tidak semestinya agen-agen utama dan sekunder berlaku secara berturutan walaupun secara semulajadinya ia boleh berlaku sedemikian. Kekuatan pengaruh agen ini mungkin berubah melalui proses pembelajaran. Ia bergantung kepada sejauh manakah penerimaan dan pencernaan individu terbabit terhadap proses sosialisasi yang berlaku sepanjang kehidupan terutamanya apabila meningkat dewasa. Justeru, agen-agen lain seperti media massa, elektronik, rakan sebaya, pertubuhan sukarela, pertubuhan sekerja, kerajaan dan agensi-agensinya, parti-parti politik dan sebagainya tidak boleh dinafikan akan pengaruh dan kesan yang akan dibawa.

Keluarga dan Institusi Pendidikan

Boleh dikatakan semua sarjana politik mencapai kata sepakat bahawa agen keluarga dan pendidikan adalah unit asas dalam membuat kajian terhadap sosialisasi politik. Hyman amat menekankan agen keluarga dan pendidikan sebagai faktor yang dominan membentuk orientasi politik dan partisipasi politik dalam proses sosialisasi (Hyman 1959).

The family, educational system, peers, mass media of communication and important political events all have socializing effects; but the first two of these agencies have had most intensive scrutiny (Dennis 1973).

Faktor ini turut dipersetujui oleh Langton (1969), M. Kent Jennings, Richard G. Niemi, Steven H. Chaffee, Jack M. McLeod dan Daniel Wackman (Dennis 1973). Namun demikian, Ball (1993) mempunyai pendapat yang agak berbeza, baginya lebih lama jangka masa pendidikan formal dan lebih tinggi kecerdasan kanak-kanak itu, semakin berkurangan pula pengaruh ibu bapa. Ia juga bergantung kepada perhubungan dengan agen-agen sosialisasi yang lain. Dalam konteks masyarakat Cina di Malaysia, isu bahasa telah menjadi tidak boleh dipisahkan

apabila memperkatakan soal proses sosialisasi politik terutama dalam konteks keluarga dan pendidikan (Suryadinata 1989: 149):

Chinese education and language have been important communal issues to the Chinese in Malaysia just like Islam in the major issue to the Malays

Menurut Tan Liok Ee (1986), isu pendidikan Cina merupakan isu yang amat sensitif dalam politik Malaysia kerana masyarakat Cina amat mementingkan identiti mereka (Suryadinata 1989). Dalam kajian yang dibuat oleh Yew Yeok Kim (1973, 1982) dalam tesis Sarjana dan Ph.D mengenai pendidikan masyarakat Cina, beliau menemui beberapa dapatan mengenai sikap dan tingkah orang Cina (pelajar). Terdapat perbezaan sikap (persepsi) antara pelajar Cina yang mendapat pendidikan sekolah Cina dengan pelajar Cina yang mendapat pendidikan Inggeris. Pelajar Cina yang mendapat pendidikan Inggeris kurang identiti nasional, lebih mudah bergaul dengan bangsa lain dan memudahkan proses integrasi nasional. Manakala pelajar yang mendapat pendidikan sekolah Cina adalah sebaliknya (Suryadinata 1989). Keadaan menjadi semakin buruk apabila wujudnya parti-parti politik berasaskan kaum yang menjadikan institusi keluarga dan pendidikan dalam mendepani isu ini dan proses sosialisasi yang berlaku (Funston 2001: 166).

Politics has mainly been articulated in communal terms. Most political parties have organized along ethnic lines, and have sought to maximize political power and economic benefits for a particular ethnic group, and promote group interests in areas such as language, education and culture. Conflicting demands have been mediated by leaders of the multi-ethnic governing coalition..... Malay-Chinese rivalry has been the main centre of conflict, but Malay relations with indigenous groups in Sabah and Sarawak have also been difficult.

Institusi pendidikan masyarakat Cina amat dominan apabila memperkatakan mengenai proses sosialisasi politik. Isu ini dibincangkan panjang lebar oleh Kenneth Langton dan M. Kent Jennings (Dennis 1973). Pengaruhnya kadang kala ia lebih dominan daripada agen keluarga terutama apabila memperkatakan proses yang dilalui oleh masyarakat Cina. Perjuangan masyarakat Cina terhadap status pendidikan sekolah Cina tidak pernah berubah dari dahulu sehingga ke hari ini. Isu popular ini terus digunakan dalam meraih simpati dan undi masyarakat Cina. Bermula sebelum merdeka, Laporan Barnes dan Fenn-Wu (1951) (Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng 2000), dan selepas merdeka, Laporan Razak (1957), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Bahasa Kebangsaan (1967) (Haris Md Jadi 1990;

Oong Hak Ching 2000) dan sehingga ke hari ini, isu pendidikan, bahasa dan Sekolah Cina tidak pernah putus dan sentiasa menjadi ugutan politik kepada kerajaan Barisan Nasional khususnya UMNO. Demi survival politik, kerajaan terpaksa tunduk kepada tekanan-tekanan ini walaupun idea sekolah wawasan yang ingin mengintegrasikan kesemua sekolah berasaskan kaum ini di bawah satu bumbung telah lama juga disuarakan.

Kesannya, sekolah Cina kekal dengan identiti kecinaannya. Integrasi nasional masih lagi jauh untuk dicapai akibat proses sosialisasi ini. Dalam hal ini kata-kata Watson dalam artikel bertajuk "*Education and Cultural Pluralism in South-East Asia Special Reference to Peninsular Malaysia*" amat tepat sekali. Menurut beliau bahasa adalah persoalan yang merumitkan dalam masyarakat yang berbilang kaum kerana ia boleh menjadi penghalang kepada integrasi jika kumpulan ras dan etnik yang berlainan mahukan pengekalan bahasa-bahasa mereka sebagai alat untuk menyampaikan kebudayaan dan nilai-nilai sosial, dan jika mereka menolak satu konsep bahasa kebangsaan (Haris Md Jadi 1990). Walaupun hujah beliau ini tidak boleh dijadikan asas kukuh dalam mengukur keberkesanan integrasi nasional, sedikit sebanyak sistem yang wujud telah menyebabkan jurang interaksi kaum menjadi longgar. Islam masih lagi dianggap suatu yang asing sepertimana yang disebutkan oleh Tan Chee-Beng dalam kajiannya mengenai pandangan orang Cina terhadap agama Islam (Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng 2000).

Media Massa/Elektronik/Budaya Popular

Persepsi masyarakat Cina menjadi semakin serius apabila media memperbesar-besarkan (sensasi) isu-isu yang berhubung kait dengan agama Islam dan bangsa Melayu, terutama pertelagahan politik antara kerajaan (UMNO) dan pembangkang (khususnya PAS dan Keadilan). Isu agama dipergunakan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan akibat dan kesan yang akan berlaku terhadap agama dan bangsa. Sekali lagi faktor ini menjadikan Islam tidak dapat dimartabatkan dengan sewajarnya (American Government Study Guide 2005).

Thus political socialization is the process by which people form their ideas about political issues and absorb political values. In early life, we are strongly influenced by the family and the educational system. As we grow up, however the influence of our peer groups and of the mass media including television and the newspapers, is stronger

Sarjana-sarjana seperti Dawson dan Prewitt (1969), Dennis (1973) dan Hyman (1959) mempunyai pendapat yang agak klasik dengan meletakkan agen keluarga dan sekolah adalah yang paling dominan dalam proses sosialisasi politik.

Manakala sarjana lain seperti Meadow (1980), dan Easton (1965) berpendapat pengaruh moden seperti media massa lebih utama.

Hujah ini turut dipersetujui oleh Chaffee, Ward dan Tipton yang tidak sependapat dengan pendapat klasik yang membuat kajian mengenai sosialisasi politik dengan mengeneipkan pengaruh media massa (elektronik) dan juga budaya popular (Dennis 1973). Lebih hebat lagi kini dunia telah memasuki era teknologi maklumat (IT) dan komunikasi (ICT).

Sarjana-sarjana klasik sering mengeneipkan pengaruh media massa dan budaya popular. Kalau adapun mereka hanya menyentuh sepintas lalu sahaja. Sedangkan agen-agen seperti muzik popular, tayangan gambar, novel, iklan, drama, lawak jenaka atau khabar angin amat berpengaruh dalam proses sosialisasi politik (Schwartz & Schwartz 1975). Banyak kajian membuktikan bahawa hari ini ramai orang terutamanya remaja menghabiskan masa dengan budaya popular ini. Ada bukti yang menunjukkan bahawa muzik popular mengandungi kandungan politik selari dengan apa nilai-nilai politik yang dipegang oleh kebanyakan keluarga dan guru.

Penulis amat bersetuju dengan pandangan Schwartz dan Schwartz (1975) kerana dalam konteks kajian di Malaysia, unsur-unsur budaya popular merupakan agen yang amat berpengaruh dalam proses sosialisasi politik. Budaya popular ini yang dipelopori oleh media massa dan media elektroklinik telah berjaya mempengaruhi daripada peringkat kanak-kanak hingga peringkat usia tua juga. Apatah lagi pada hari ini segala maklumat berada di hujung jari sahaja. Maklumat oleh didapati dengan begitu cepat dan pantas. Pengaruh internet sebagai budaya baru dalam proses sosialisasi politik pasti menjadikan kajian teori ini semakin hebat dan tidak berkesudahan. Tidak ketinggalan ia memberikan kesan yang hebat ke atas persepsi orang Cina terhadap Islam dan Melayu.

ANALISIS KAJIAN PERSEPSI ORANG CINA

Apa juga program Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak mendapat gambaran positif daripada orang Cina kerana ia berkait rapat dengan persepsi yang telah wujud sekian lama. Ini kerana gambaran mereka terhadap Islam dari awal telah disalahfahamkan (Ratnam 2002: 166).

The government's educational policy, which is biased towards expanding opportunities for educational advancement of Malays, has created a certain degree of frustration and disillusionment among non-Malays. The availability, or lack thereof, of educational opportunity could well be a critical factor shaping the political attitudes of a younger generation.

Mahathir Mohamed (1970: 15) dalam buku *The Malay Dilemma* mengatakan:

What went wrong? Obviously a lot went wrong. In the first place the Government started off on the wrong premise. It believed that there had been racial harmony in the past and that the Sino-Malay co-operation to achieve Independence was an example of racial harmony. It believed that the Chinese were only interested in business and acquisition of wealth, and that the Malays wishes only become Government servants. These ridiculous assumptions led to policies that undermined whatever superficial understanding between Malays and non-Malays.

Bila berlaku perkara sebegini, interaksi semakin kurang. Ini sudah tentu menebalkan lagi persepsi antara kaum. Lebih malang lagi, Islam selalu digambarkan dalam media massa dan elektronik Barat sebagai agama yang negatif, mundur, menentang perubahan dan pemodenan dan sebagainya. Memburukkan lagi keadaan dengan tindakan segelintir badan-badan NGO dan individu Islam yang sengaja memutar belitkan Islam sehingga menyebabkan agama Islam disalahfahamkan oleh bukan Islam.

Misalnya, isu serbuan JAWI ke atas kelab malam *The Zouk* (Utusan Malaysia 14 April 2005). Adakah tindakan itu betul atau tidak? Kenapa ramai sangat yang menentang tindakan amar makruf nahi mungkar ini, sedangkan ia adalah isu semua agama? Begitu juga isu samak yang tidak ditangani dengan betul (Mingguan Malaysia 27 Mac 2005). Komen yang dibuat oleh penulis rencana tersebut, Astora Jabat ada kebenarannya. Peristiwa menyamak salah sebuah restoran di Kuala Lumpur dengan menggunakan air lumpur pekat adalah sesuatu yang amat merugikan dakwah dan imej Islam di negara kita. Ia jelas memperlihatkan betapa susah dan rigidnya agama Islam. Sedangkan banyak pendekatan berhikmah lain boleh diambil dengan mengambil kira pandangan mazhab lain dalam menyelesaikan isu ini. Kenapa ia perlu diperbesar-besarkan sehingga semua media cetak mendedahkan perkara ini secara meluas. Pendek kata, apabila persepsi ini telah bertapak dalam sanubari masyarakat Cina, akhirnya sesuatu perkara yang baik dalam Islam yang ingin disampaikan kepada mereka tidak kesampaian.

Begitu juga dengan konsep pelaksanaan program-program atau aktiviti-aktiviti yang berbeza-beza yang semakin mengelirukan. Misalnya, di Terengganu, oleh kerana kawasan tersebut adalah merupakan kubu kuat pembangkang, maka program-program yang dilaksanakan dibuat secara berhati-hati agar tidak bertenangan dengan Islam kerana ditakuti ia akan dijadikan bahan kempen pembangkang untuk merampas kembali negeri tersebut. Program hiburan yang dijalankan berligar di sekitar persembahan lagu nasyid dan nyanyian berunsur ketuhanan dan patriotik.

Ini dibuktikan melalui kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri, Wan Hisham Wan Salleh pada 26 Februari 2005. Dalam kenyataannya sebagai wakil Kerajaan Ter-

engganu, beliau menafikan sama sekali telah memberi kebenaran kepada stesen televisyen swasta, TV3 bagi menganjurkan program berbentuk hiburan, Karnival TV3 Jom Heboh di negeri tersebut. Kerajaan negeri katanya tidak pernah dan tidak akan membenarkan karnival berkenaan atau yang seumpamanya, dibuat di negeri itu kerana ia mengandungi beberapa aktiviti seperti konsert oleh artis tempatan yang tidak menepati ciri-ciri Islam Hadhari. Sebaliknya, tambah beliau, kerajaan negeri telah membuat kerjasama dengan stesen televisyen itu bagi menganjurkan satu program Islam Hadhari yang bertujuan memberi kefahaman kepada rakyat negeri itu mengenai konsep Islam Hadhari. Beliau seterusnya menambah bahawa kerajaan tidak pernah beri kelulusan untuk adakan (Karnival TV3) Jom Heboh di Terengganu, bahkan kita telah 'menghadharikan' TV3 dengan menganjurkan Karnival Islam Hadhari yang akan diadakan di negeri ini pada 25 hingga 27 Mac depan dengan kerjasama stesen televisyen itu (Utusan Malaysia 27 Feb 2005).

Berlainan pula di negeri-negeri lain, konsep Karnival TV3 Jom Heboh dikekalkan. Program hiburan yang dijalankan sama sekali berlainan dengan apa yang berlaku di Terengganu. Mufti Perak secara terang-terang menyatakan bahawa Konsert Jom Heboh TV3 adalah haram dan bertentangan dengan nilai-nilai Islam (termasuk juga program TV yang lain seperti *Malaysian Idol*, Akademi Fantasia dan Persembahan Bakat Warga Tua). Kenyataan ini telah mendapat reaksi dan publisiti meluas dalam media. Mufti Perak dikecam dengan hebat akibat kenyataan tersebut, sedang Mufti itu sendiri adalah salah satu Jabatan dalam kerajaan dan digajikan juga oleh kerajaan (Harakah 1-15 Januari 2005).

Persoalannya, Islam diperlihat mempunyai dua versi, satu versi di Terengganu dan versi lain di negeri-negeri yang lain. Versi pro agama di Terengganu dan versi yang agak longgar di negeri yang lain. Imej sebegini sudah tentu tidak banyak mengubah persepsi orang Cina terhadap Islam. Banyak lagi contoh lain yang boleh diketengahkan boleh menimbulkan persepsi yang negatif.

Masyarakat Cina tidak boleh disalahkan sepenuhnya apabila berlaku kekeliruan seperti ini, kerana di kalangan orang Islam itu sendiri, banyak kekeliruan yang didedahkan. Dalam konteks politik, PAS secara terang menolak konsep Negara Islam dan Islam Hadhari yang telah diutarakan oleh UMNO. PAS mengambil pendekatan menentang habis-habisan konsep Negara Islam dan Islam Hadhari UMNO melalui buku karangan presidennya, Hadharah Islamiyyah dan Bukan Islam Hadhari (Abdul Hadi Awang 2005).

Presiden PAS dalam kenyataannya bertarikh 18 April 2005 mengatakan PAS tidak menerima konsep negara Islam yang dicanangkan oleh Umno kerana dianggap tidak mempunyai ciri-ciri sebenar sebuah negara Islam. Menurutny lagi, bagaimana PAS mahu menerima Malaysia sebuah negara Islam sedangkan dalam masa yang sama pemimpin mereka melindungi amalan rasuah, melakukan kezaliman dan bersifat tidak adil kepada rakyat sendiri. PAS akan terus berjuang demi untuk menegakkan Islam tanpa berganjak sedikit pun daripada matlamat asal

(Abdul Hadi Awang 2005). Begitu juga UMNO menolak konsep Negara Islam yang dibawa oleh PAS.

Pada umumnya, orang Cina juga mempunyai tanggapan yang sama walaupun tidak keseluruhannya bersikap sedemikian. Dalam konteks politik Malaysia, ia dibuktikan melalui penentangan yang berterusan oleh DAP terhadap konsep Negara Islam yang dibawa oleh UMNO (BN) mahupun pembangkang (PAS). DAP yang majoriti partinya diwakili oleh orang Cina bukan sahaja tidak bersetuju malah akan membawa perkara ini ke mahkamah. Bagi mereka Malaysia harus kekal sebagai sebuah negara sekular.

DAP memetik kata-kata Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1983 sebagai hujah utama untuk menolak sebarang perkataan Negara Islam ke atas negara Malaysia. Itulah kempen yang terus menerus digunakan sebagai senjata dalam kempenya kepada masyarakat Cina. DAP melancarkan kempen 'No to 911, No to 929, Yes to 1957' sebagai membantah keras sebarang usaha menubuhkan Negara Islam. Lebih tegas lagi DAP membuat andaian, jika sekiranya Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tun Fuad Donald Stephens dan Datuk G.S. Sundang masih hidup, mereka juga akan turut menyokong kempen tersebut dan menentang konsep negara Islam (Lim Kit Siang 2002).

Former Prime Minister, Tun Dr. Mahathir Mohamad announced at the Gerakan national 30th delegates' conference on 29th September 2002 (929) that Malaysia was an Islamic state. This 929 declaration constituted a tectonic shift in Malaysian nation-building, jettisoning the fundamental constitutional principle and nation-building cornerstone in the 44-year 1957 Merdeka "social contract" agreed by our forefathers from the major communities that Malaysia is a democratic, secular, multi-religious, tolerant and progressive nation with Islam as the official religion but is not an Islamic state

Proses sosialisasi yang dibincangkan banyak mempengaruhi persepsi orang Cina terhadap Islam. Apatah lagi, masyarakat Cina percaya kepada perkara-perkara seperti apa yang telah berlaku pada masa lalu, masa kini dan masa depan seperti yang dinukilkan dalam Kitab Kuan Tzu yang berbunyi, "bagi orang yang meragui tentang masa kini, amatilah masa lampau. Bagi orang yang tidak memahami yang akan berlaku, lihatlah apa yang telah berlaku (Abdul Rahman Ismail 2001). Persepsi ini merangsang kepada tradisi pemujaan nenek moyang, satu ciri penting masyarakat Cina yang juga menjadi penggalak kepada kegiatan menulis, mencatat dan meriwayatkan. Dengan sebab itu, apa yang berlaku kepada masyarakat Melayu dahulu, kini dan akan datang sentiasa menimbulkan sensitiviti dalam membentuk persepsi mereka.

Prinsip Islam Hadhari - Nilai Bersama

10 perkara Islam Hadhari bukan suatu perkara yang baru. Ini kerana semua nilai yang digariskan itu adalah prinsip umum yang terdapat juga dalam agama-agama lain. Oleh kerana ada sebahagian masyarakat Cina percaya kepada agama dan ajaran Confucius, maka prinsip Islam hadhari boleh juga digunakan dalam mengukur kepercayaan Cina terhadap nilai-nilai ini. Secara umumnya, prinsip-prinsip Islam Hadhari tersebut ada disentuh dalam ajaran Confucius. Ini bermakna prinsip-prinsip Islam Hadhari itu bersifat universal. Tetapi penerangan perlu dibuat dalam memberikan kefahaman kepada mereka bahawa apa yang ingin dilaksanakan adalah nilai-nilai yang dikongsi bersama, bukan hanya terhadap kepada orang Islam sahaja. Berdasarkan kepada soal selidik dan responden yang telah ditemui, kebanyakannya bersetuju bahawa 10 prinsip tersebut adalah nilai bersama dalam semua agama. Cuma sejauhmanakah perlaksanaannya, itu yang dipertikaikan oleh mereka dan pihak-pihak lain.

10 Prinsip Islam Hadhari ialah (Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2005):

1. Keimanan dan Ketaqwaan Kepada Allah/Tuhan
2. Kerajaan Yang Adil dan Amanah
3. Rakyat Berjiwa Merdeka
4. Penguasaan Ilmu Pengetahuan
5. Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif
6. Kehidupan Berkualiti
7. Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita
8. Keutuhan Budaya dan Moral
9. Pemeliharaan Alam Semulajadi
10. Kekuatan Pertahanan

Perdana Menteri sendiri menegaskan bahawa 10 Prinsip Islam Hadhari relevan dan sesuai untuk semua golongan masyarakat dan setiap orang dan bukannya untuk orang Islam sahaja bagi memacu kejayaan rakyat dan negara. Usaha yang berterusan akan dilakukan untuk menerangkan kepada orang bukan Islam. Menurut Perdana Menteri sendiri bahawa beliau telah menerangkan kepada orang Cina, iaitu ahli-ahli MCA dan mereka tidak mempunyai masalah untuk menerima konsep tersebut (The Star 23 March 2005).

10 prinsip tersebut turut terkandung dalam ajaran Confucius apabila beliau membincangkan soal *the three powers of the universe (sancai): tian (heaven), di (earth) and ren (humans)* (Xinzhong Yao 2000: 139);

These three powers work together in an organic cosmos so that 'Heaven, Earth and Humans are the origin of all things. Heaven generates them, Earth nourishes them and Humans perfect them...The Confucian discussion of Heaven lays down a solid foundation for its metaphysical view of the world, its understanding of Earth links the present to the past, and its approach to humankind seeks the full realization of Human potentiality.

Ini bukan bermakna saya hendak mengatakan kerajaan mengambil 10 prinsip ini daripada ajaran Confucius, tetapi apa yang ingin saya ketengahkan ialah nilai-nilai ini adalah nilai universal yang boleh dikongsi oleh segenap lapisan bangsa di negara kita.

Dengan sebab itu agenda atau program kerja Islam Hadhari sebenarnya bukan sahaja untuk orang Islam, tetapi sasaran hendaklah sampai kepada orang Bukan Islam terutamanya masyarakat Cina dalam mengubah persepsi mereka.

Islam Hadhari sepatutnya tidak hanya difokuskan untuk orang Islam sahaja. Tetapi ia juga perlu difahami oleh masyarakat Cina yang merupakan majoriti kedua terbesar. Mereka perlu disedarkan untuk mengamalkan nilai-nilai baik yang digariskan dalam Islam Hadhari seperti mana yang dituntut juga dalam agama mereka. Islam Hadhari akan menjadi lebih berjaya jika orang Cina menyokong konsep murni ini (Mohd Ridhuan Tee 2005). Mereka perlu disedarkan akan kepentingan hidup di bawah naungan Tuhan seperti yang banyak disebut oleh Confucius dan Buddha. Inilah hasil analisis soal selidik yang telah dijawab oleh responden yang telah ditemui. Juru cakap Islam Hadhari perlu menyedarkan bahawa manusia perlu kembali kepada hidup beragama kerana itulah asas kejadian manusia. Ini bermakna segala perkara-perkara yang bertentangan dengan agama hendaklah didokongi secara bersama walaupun ia mungkin bertentangan dengan sistem demokrasi. Jangan biarkan demokrasi menghancurkan hidup beragama. Keruntuhan telah jelas berlaku dalam masyarakat barat.

Islam Hadhari bukanlah program untuk memujuk orang bukan Islam supaya menerima dasar tersebut, atau pun mahu menunjukkan bahawa agama Islam lebih baik dan mesra, tetapi sebenarnya untuk menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang memang sesuai dengan peredaran zaman dan hakikat tidak boleh dinafikan sama sekali (The Star 9 April 2005: 2).

Islam Hadhari (Civilisational Islam) is not an approach to pacify the West or to seek approval from non-Muslims for a more friendly and gentle image of the religion...It is compatible with modernity and yet firmly rooted in the noble values and injunction of Islam. It is an approach that values substance and not form...Islam Hadhari in Malaysia will provide a way in which the government hopes to administer to the well-being of

the country and welfare of its multi-racial and multi-religious population.

KESIMPULAN – MENCIPTA KEGEMILANGAN

Oleh kerana Islam Hadhari telah menjadi satu dasar negara, maka mahu tidak mahu kesemua pihak perlu menerima. Sekiranya ada kelemahan dan kecacatan, maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak jua untuk memperbaikinya.

Jika benar 10 prinsip Islam Hadhari mahu dilaksanakan berlandaskan kepada *maqasid syariah*, maka sudah tiba masanya umat Islam perlu mencipta kegemilangan tersebut. Jangan biar fahaman sempit politik mengganggu perjalanan Islam Hadhari. Fahaman politik perlu diketepikan untuk mencapai matlamat yang lebih besar. Kalau orang bukan Islam boleh menerima kesemua prinsip Islam Hadhari itu, kenapa kita sebagai umat Islam masih mempertikaikannya.

Dalam mencipta kegemilangan, hendaklah pada masa yang sama mengurangkan orang-orang bebal (bebalisme) dan pandir. Istilah bebalisme dan pandir ini digunakan oleh Syed Hussein al-Atas merujuk kepada orang yang tidak mempunyai daya antisipasi dan biasanya mereka hanya bertindak balas terhadap peristiwa setelah kejadian – mereka akan membuka payung hanya sesudah hujan membasahi tubuhnya (Syed Hussein al- Atas 1992). Tidak menghormati ilmu pengetahuan dan pandangan ilmiah merupakan ciri utama bebalisme. Ciri utama yang menonjol adalah tidak adanya kehalusan pekerti. Dia tidak merasa malu dengan kesalahan yang dilakukan kerana kebodohnya. Dia tidak takut dengan kekurangan intelektualnya. Bila orang ini menonjol maka ia akan menjadi bahan rujukan dan ikutan sehingga akhirnya merosakkan nilai-nilai baik yang cuba dibawa oleh orang lain.

Justeru, golongan bebal sebegini mesti dikurangkan penyertaan dan pembabitan dalam sebarang keputusan besar yang dibuat oleh negara dan kerajaan. Kata-kata ini amat tepat dalam usaha mencipta kegemilangan (Akram Diya al Umari 1995: 80-81):

The Muslims are equal as the teeth of a comb. Nobody is better than anyone else except in the consciousness of God. The Islamic society is open to all and the opportunities for development and earning a living are equal for all its members. There are no social differences: a poor man was never prevented from marrying a rich women, nor was a weak man ever prevented from rising the highest post in the nation or the highest rank in the leadership of the society. There is no class which could prevent any of its members from rising further. If the Islamic so-

ciety had been destined to continue its scientific and civilizing progress, and to lead humanity today, the advantages of Islam for building a strong society based on mutual love and support, and not on hatred and conflict which only result in destruction, would have become clear.

Mengambil kata-kata Prof Khoo Kay Kim, yang mengatakan bahawa rata-rata masyarakat tidak faham konsep Islam Hadhari, apatah lagi orang bukan Islam sebab tidak ada penerangan bersungguh-sungguh yang dibuat. Orang bukan Islam hanya memahami beberapa perkara umum sahaja seperti tidak boleh minum arak, tidak boleh makan babi, sehingga perkataan babi pun takut digunakan dan digantikan dengan perkataan khinzir. Bagaimanakah hendak melaksanakan Islam Hadhari, sekiranya orang bukan Islam tidak faham pengertiannya? (Dewan Masyarakat Mac 2005). Justeru, katanya orang Islam perlu berbahas dan berbincang. Kalau mereka melakukan sesuatu, mereka perlu memberikan penjelasan kerana setiap sesuatu yang haram dan halal ada sebab musababnya. Hal inilah yang perlu dijelaskan kepada umum. Dunia sekarang dikawal oleh kuasa barat yang maju dari sudut sains dan teknologi, dan Islam perlu menyahut cabaran dan saingan ini. Islam sekarang berada diambang kemerosotan terutama apabila sesetengah ulama tidak mahu menerima perubahan.

Inilah rata-rata jawapan dalam soal selidik yang diedarkan kepada para peserta. Islam Hadhari hanya difahami dengan lebih lanjut setelah mereka sendiri mengikuti seminar yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) baru-baru ini. Sebelum itu, gambaran hanya diperolehi melalui media massa, dan ucapan-ucapan politik (Mohd Hashim Kamali 2005; Mohd Kamal Hassan 2005).

Kata-kata Prof. Khoo Kay Kim memang tepat dengan apa yang cuba diutarakan oleh Smart (1998: 286):

Islam established its main outline very rapidly, partly because it had a single founder, namely Muhammad, partly because it had foundation document, namely the Qur'an, and partly because in having a political aspect it had to take rapid decisions on organization in view of its great success. The story of the religion turns of course very considerably on the life of the Prophet, and with we begin.

Justeru, dalam usaha untuk mengubah persepsi ini, penerangan secara serius dan bersungguh-sungguh mesti dibuat melalui seminar-seminar, media elektronik dan media cetak serta risalah-risalah dalam pelbagai bahasa.

Perdana Menteri mengatakan (The Star 9 April 2005):

The approach of Islam Hadhari will bring excellence, distinction and glory to all Malaysians.

Apapun, sekurang-kurangnya kerajaan telah berjaya meletakkan perkataan “Islam” dalam satu-satu program yang boleh diterima oleh masyarakat bukan Islam. Kalau dahulu perkataan Islam itu sendiri telah menimbulkan fobia dan kebimbangan kepada bukan Islam, tetapi kini perkataan itu bukan sahaja diterima tetapi nilai-nilai yang terkandung di dalamnya juga diterima sebagai prinsip sejagat. Ini kelebihan dan kekuatan Islam Hadhari. Namun, penerimaan mereka bukanlah semudah yang disangka sekiranya orang Islam masih jahil dengan agamanya. Menurut Khoo Kay Kim, sebelum Islam Hadhari dijadikan ideologi, semua rakyat Malaysia perlu mengetahui tentang sejarah perkembangan Islam di negara ini terlebih dahulu. Pada awal abad ke-20, pernah wujud satu gerakan untuk memodenkan pemikiran orang Islam dan kemudiannya gagal. Sekiranya, hal ini tidak dijadikan pengajaran, mungkin Islam Hadhari akan mengalami nasib yang serupa (Dewan Masyarakat Mac 2005).

Perdana Menteri juga mengatakan (The Star 9 April 2005):

Islam Hadhari is also consistent with democracy because it is about living in peace with and respecting each other in society. It is certainly an exhortation to the Muslims to treat well and fairly their non-Muslim fellow citizens in all their dealings.

Kita perlu menerima hakikat bahawa sesiapa jua yang memerintah, perkara yang baik hendaklah diberikan perhatian dan diperbaiki jika terdapat sebarang kelemahan atau kesilapan dan bukan dengan pendekatan mengkritik dan menghentam. Perbuatan mengkritik dan menghentam tidak ada kesudahan malahan ia memburukkan lagi imej Islam.

Seperti yang dikatakan oleh Akram Diya al Umari (1995), kasih sayang adalah asas kepada masyarakat bertamadun. Justeru, sekiranya Islam Hadhari itu hendak juga dirujuk kepada istilah masyarakat Madani yang juga merujuk kepada *Civil Society*, maka mahu tidak mahu asas kasih sayang, saling hormat menghormati, memang tidak boleh dielakkan. Justeru, umat Islam perlu menciptakan balik kegemilangan dengan mengenenepikan fahaman politik.

Akhirnya, cuba kita hayati kata-kata cendekiawan British yang amat terkenal, Shaw (2005) yang berbunyi:

I have always held the religion of Muhammad in high estimation because of its wonderful vitality. It is the only religion which appears to me to possess that assimilating capability to

the changing phase of existence which can make itself appeal to every age. The world must doubtless attach high value to the predictions of great men like me. I have prophesied about the faith of Muhammad that it would be acceptable to the Europe of tomorrow as it is beginning to be acceptable to the Europe of today. The medieval ecclesiastics, either through ignorance or bigotry, painted Muhammadanism in the darkest colours. They were in fact trained to hate both of the man Muhammad and his religion. To them Muhammad was Anti-Christ. I have studied him — the wonderful man, and in my opinion far from being an Anti-Christ he must be called the Saviour of Humanity. I believe that if a man like him were to assume the dictatorship of the modern world he would succeed in solving its problems in a way that would bring it the much-needed peace and happiness. But to proceed, it was in the 19th century that honest thinkers like Carlyle, Goethe and Gibbon perceived intrinsic worth in the religion of Muhammad, and thus there was some change for the better in the European attitude towards Islam. But the Europe of the present century is far advanced. It is beginning to be enamoured of the creed of Muhammad

RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. 2005. *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Ismail. 2001. *China Persejarahan dan Pembinaan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akram Diya al Umari. 1995. *Madinan Society at the Time of the Prophet*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Almond, G.A & Verba, S. 1963. *The Civic Culture*. Princeton: Princeton University Press.
- American Government Study Guide. 2005. Political Socialization. http://www.pinkmonkey.com/studyguides/subjects/am_gov/chap7/A0707201.asp. Dilayari pada 06 Oktober 2005.
- Ball, A.R. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dawson, R.E., & Prewitt, K. 1969. *Political Socialization*. Boston: Little, Brown & Co.
- Dennis, J. (pnyt.). 1973. *Socialization to Politics: A Reader*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Dewan Masyarakat. Mac 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Douglas, S.A. 1967. *Political Socialization and Student Activism in Indonesia*. Illinois: University of Illinois.

- Dowse, R.E. & Hughes, J.A. 1972. *Political Sociology*. London: John Wiley & Sons.
- Easton, D. 1965. *A Framework for Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fitzgerald, C.P. 1973. *Intisari Sejarah Asia Timor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Funston, J.(pnyt.). 2001. *Government and Politics in Southeast Asia*. London: Zed Books Ltd.
- Harakah*. 2005. 1-15 Januari.
- Haris Md Jadi. 1990. *Etik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hyman, H.H. 1959. *Political Socialization, A Study in the Psychology of Political Behaviour*. New York: The Free Press.
- Islamic Dakwah Centre. 1998. *Islam in Beijing*. Brunei: Ministry of Religious Affairs.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Konsep Islam Hadhari: Satu Penjelasan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jeffrey Seow (Illustrator). 1999. *The Complete Analects of Confucius*. Jil.3. Singapore: Asiapac Books Pte Ltd.
- Kamrava, Mehran. 1996. *Understanding Comparative Politics, A Framework for Analysis*. London: Routledge.
- Kennedy, P. 1994. *Kebangkitan dan Kejatuhan Kuasa-Kuasa Besar*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kitagawa, J.M. 2002. *The Religious Traditions of Asia*. London: Routledge Curzon.
- Kong Yuanzhi. 2000. *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Langton, K.P. 1969. *Political Socialization*. New York: Oxford University Press.
- Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng. 2000. *The Chinese in Malaysia*. Selangor: Oxford University Press.
- Lim Kit Siang. 2002. Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tun Fuad Donald Stephens and Datuk G.S. Sundang would be spearheading the "No to 929" campaign to defend the 1957 Merdeka Constitution, the 20 Points and the 1963 Malaysia Agreement that Islam is the official religion but Malaysia is not an Islamic State if they are still alive today. <http://dapmalaysia.org/all-archive/English/2002/oct02/lks/lks1887.htm>. Dilyari pada 6 November 2005.
- Lukman Taib. 2000. *The Politics and Governments of South East Asia*. Kuala Lumpur: Gpden Books Centre Sdn Bhd.
- Mahathir Mohamed. 1970. *The Malay Dilemma*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Meadow, R.G. 1980. *Politics as Communication*. New Jersey: Aflex Publishing Corp.
- Mingguan Malaysia*. 2005. 27 Mac.
- Mohd Hashim Kamali. 2005. *Islam Hadhari and the Non-Muslims (Principle 6-10)*. Kertas kerja Seminar on Islam Hadhari: An Understanding for Non-Muslims. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur, 30 Mac.
- Mohd Kamal Hassan. 2005. *Islam Hadhari (Civilisational Islam) Approach as a New*

- Government's Policy. Kertas kerja Seminar on "Islam Hadhari: An Understanding for Non-Muslims". Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur, 30 Mac.
- Mohd Ridhuan Tee. 2005. Orang Cina dan Islam Hadhari. *Utusan Malaysia*, 15 April.
- Mustapha Ma. 2005. Persatuan Cina Muslim Malaysia atau Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). Temubual, 9 Mac.
- Purcell, Victor. 1975. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Oong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya 1942-55, The Dynamics of British Policy*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ratnam, K.S. 2002. Malaysia 11 September and the Politics of Incumbency. Dlm. Daljit Singh & Anthony L. S. *Southeast Asian Affairs*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Rush, M. 1992. *Politics and Society: An Introduction to Political Sociology*. New York: Prentice Hall.
- Schwartz, D.C. & Schwartz, S.K. 1975. *New Direction In Political Socialization*. (eds). New York: The Free Press.
- Shaw, George Bernard. 2005. Genuine Islam Quote. http://en.wikiquote.org/wiki/Talk:George_Bernard_Shaw. Dilayari pada 12 Dis 2005.
- Smart, Ninian. 1998. *The World's Religions*. Cambridge UK: Cambridge University Press.
- Suffian Mansor. 2003. *Tamadun China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suryadinata. (pnyt.). 1989. *The Ethnic Chinese in the Asean States*. Singapore: ISEAS.
- Syed Hussein al-Atas. 1992. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Liok Ee. 1986. The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961. Tesis Ph.D. University of Malaya.
- The Guardian. 2005. Jil. 1. MCA Publicity Bureau. Kuala Lumpur.
- The Star*. 2005. 23 March.
- The Star*. 2005. 9 April.
- Utusan Malaysia*. 2005. 27 Feb.
- Utusan Malaysia*. 2005. 14 April.
- Utusan Malaysia*. 2005. 15 April.
- Xinzhong Yao. 2000. *An Introduction to Confucianism*. Cambridge UK: Cambridge University Press.
- Yew Yeok Kim. 1973. Education and the Acculturation of the Malaysia Chinese: A Survey of Form IV Pupils in Chinese and English School in West Malaysia. Tesis Master Ed. University of Malaya.
- Yew Yeok Kim. 1982. Education, National Identity and National Integration: A Survey of Secondary School Students of Chinese Origin in Urban Peninsular Malaysia. Tesis Ph.D. Stanford University.

Jurnal Hadhari Bil 1 (2009) 77-98

Dr.

Dip. Islamic Studies, UIA, BA (Hons) Sains Politik UKM,

MA Analisis Polisi dan Keselamatan UKM

Ph.D Politik dan Kerajaan, UPM

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum dan Bahasa

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia